

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1996/97**

APRIL 1997

RMK 152/3 - PRINSIP-PRINSIP EKONOMI BANGUNAN

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** mukasurat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja. Jawab **DUA** soalan dari **Bahagian A** dan **DUA** soalan dari **Bahagian B**.

BAHAGIAN A (Jawab Soalan 1 yang **WAJIB** dan **SATU** soalan lain)

1. 'Mekanisme Pasaran' yang wujud dalam Sistem Ekonomi Bebas dikatakan berupaya menyelesaikan masalah-masalah asas ekonomi yang wujud dalam sesuatu masyarakat.

Jelaskan bagaimanakah penyelesaian ini dicapai serta bincangkan kebaikan dan keburukan yang mungkin ditimbulkan olehnya.

(30 markah)

2. Ketidakstabilan harga wujud akibat perubahan dalam penawaran dan permintaan. Huraikan teori keseimbangan harga dan nyatakan apakah kesan perubahan penawaran dan permintaan ke atas harga.

(20 markah)

3. Berikan faktor-faktor yang boleh mewujudkan 'pasaran monopoli' serta jelaskan ciri-ciri yang wujud dalam pasaran berkenaan.

(20 markah)

BAHAGIAN B (Jawab mana-mana **DUA** soalan)

4. "Statistik rasmi tentang sumbangan industri binaan kepada KDNK dan peluang-peluang pekerjaan yang dijanakan tidak menggambarkan kedudukan sebenarnya industri ini dalam ekonomi negara." Bincangkan.

(25 markah)

- 2 -

5. Huraikan secara ringkas jenis-jenis kitaran perniagaan yang boleh wujud di dalam industri binaan.

(25 markah)

6. Nyatakan **TIGA** jenis inflasi. Sebutkan kesan-kesan positif dan negatif inflasi terhadap ekonomi negara.

(25 markah)

-ooo00ooo-